

▼11/05/13-45MST

CNS8887

U GB 11-05 00204 BA002

aab

Mahathir - China

NEGARA CHINA YANG KUAT DAN MAKMUR TIDAK HARUS DIBIMBANGI, KATA PM

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

BEIJING, 11 Mei (Bernama) -- Negara-negara di Asia Tenggara tidak sepatutnya bimbang terhadap negara China yang kuat dan makmur tetapi sebaliknya mengalu-alukannya, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri Malaysia itu berkata negara-negara berkenaan akan mendapat faedah daripada segi keupayaan mereka untuk berkongsi kekayaan tersebut menerusi interaksi perdagangan dan ekonomi dengan China.

Beliau memberitahu satu pertemuan perniagaan antarabangsa yang dihadiri pemimpin-pemimpin korporat dunia di sini bahawa China telah mendapat jawapan bagi keperluan-keperluan politik dan ekonomi dalam apa yang mereka sebut sebagai "ekonomi pasaran sosialis."

Bercakap mengenai tema, "Ekonomi Pasaran Sosialis Republik Rakyat China: Satu Perspektif Asean," pada Mesyuarat Kemuncak China 1994, Dr. Mahathir yang terus ke sini selepas bertemu Presiden Bill Clinton di Washington, menyentuh dengan panjang lebar mengenai pengalaman awal Malaysia menguruskan ekonomi dan halangan-halangan yang dihadapi, demokrasi dan usaha-usaha China untuk permodenan ekonominya sekarang.

Beliau berkata walaupun beliau bukan pakar mengenai China, sebagai seorang individu, beliau telah mengikuti dengan penuh minat peristiwa-peristiwa besar yang berlaku di dalam dan sekitar China sejak 60 tahun lepas. -- lagi

▼11/05/18 36MST

CNS8921

U GB 11-05 00170 BA003

aab

Mahathir - China 2 Beijing

"Saya banyak membaca mengenai perkembangan 2,000 tahun lepas China. Tetapi saya tidak dapat membayangkan diri saya sebagai seorang pakar mengenai China," katanya.

"Saya tidak dapat menganggap yang saya tahu mengenai dasar Cina lebih daripada kepemimpinan China itu sendiri dan penasihat-penasihat mereka," tambahnya.

Bagaimanapun, beliau berkata sebagai seorang Asia (beliau percaya bahawa pandangannya dikongsi oleh pemimpin-pemimpin lain di negara-negara Asean dan Asia Timur), beliau memahami apa yang China cuba lakukan, mengapa China berbuat demikian dan bagaimana ia melalui keseluruhan proses menrevolusikan masyarakatnya dan membina sebuah negara yang makmur dan menjadi kebanggaan rakyatnya pada abad ke-21.

Ini kerana hampir semua negara di Asia Timur sedang cuba melakukan perkara yang sama dalam cara terbaik yang mereka tahu, memandangkan kesulitan-kesulitan tertentu yang mereka hadapi, halangan-halangan besar yang dihadapi dan peluang-peluang menakjubkan yang berada di hadapan.

Perdana Menteri berkata China bertindak betul dengan mengekalkan sistem politik sosialisnya yang tersendiri sementara ia menyokong sebahagian daripada ekonomi pasaran. -- lagi

▼11/05/19-02MST

CNS8947

U GB 11-05 00146 BA004

aab

Mahathir - China 3 Beijing

Ini kerana ia berjaya mencegah anarki politik dan ekonomi yang telah dialami oleh Soviet Union.

"Ianya betul kerana nampaknya ia lebih berjaya daripada segi ekonomi. Ia terus berkembang dan berkembang dengan begitu pesat," katanya.

Dr Mahathir memberi ingatan kepada kuasa-kuasa Barat agar jangan terlalu bimbang dengan sebuah negara China yang makmur.

Beliau berkata sungguhpun negara China yang kaya akan berbelanja lebih banyak untuk angkatan tenteranya daripada perbelanjaannya sekarang dan dengan itu menjadi sebuah kuasa dunia sebenar dengan memiliki kekuatan ekonomi dan politik, daripada sudut sejarah Beijing tidak pernah memperlihatkan sebarang dasar yang konsisten mengenai sifat suka memperolehi wilayah.

"Jiran-jirannya mungkin kehilangan sedikit wilayah yang diperbalahkan, tetapi pencerobohan penuh dan penjajahan tidak pernah menjadi sebahagian daripada sejarah Cina."

"Ini amat jauh bezanya dengan rekod negara-negara Eropah," katanya. --
lagi

♥11/05/19-21MST

U GB 11-05 00173 BA005

aab

Mahathir - China 4 Beijing

Perdana Menteri berkata soal pencerobohan China banyak diperkatakan oleh pihak Barat kerana daripada segi sejarah penguasaan sesebuah negara dan keganasan atau penaklukan secara aman wilayah-wilayah selalu dijadikan pendekatan Barat bagi pemeliharaan kemakmuran mereka. Oleh itu, dengan sendirinya mereka mensyaki China sebagai memiliki cita-cita yang serupa.

Beliau berkata jika Asia Tenggara tidak bimbang terhadap Jepun, beliau tidak nampak sebab kenapa China harus dibimbangi.

Katanya, sekiranya kebimbangan harus wujud, kedua-duanya harus dibimbangi.

Dr. Mahathir berkata kehadiran kuasa-kuasa Barat di rantau ini tidak akan memberi erti apa-apa terutama sekali selepas peristiwa-peristiwa di Haiti, Somalia, Bosnia dan Rwanda.

"Keseluruhan pasukan tentera akan ditarik balik jika seorang anggota tentera terbunuh," katanya.

Sebaliknya, kata beliau, sebuah negara China yang kaya akan menjadi jentera pertumbuhan terutama bagi Asia Timur, termasuk Asia Tenggara, dan kemudian seluruh dunia.

Sungguhpun boleh dijangkakan bahawa China akan mengeksport ke seluruh dunia, ia masih perlu membeli banyak barangan lain daripada negara-negara lain di dunia, katanya. -- lagi

♥11/05/19-41MST

CNS8990

U GB 11-05 00208 BA006

aab

Mahathir China 5 Beijing

Dalam hubungan ini negara-negara Asia Tenggara akan mempunyai berhampiran mereka sebuah pasaran besar bagi minyak mentah, gas dan keluaran petroleum mereka serta juga bagi barangan pembuatan.

Dr Mahathir mengakui bahawa usaha mengagihkan secara sama rata kekayaan dalam satu pasaran ekonomi adalah jauh lebih sukar daripada mengagihkan kemiskinan melalui ekonomi terkawal.

Beliau berkata terdapat kemungkinan lebih banyak masalah politik dan tidak kurang pula permintaan bagi lebih banyak penyertaan orang ramai dalam proses politik.

Kerajaan harus mengalah, membanteras tindakan barisan belakang dalam proses itu.

Katanya mungkin juga akan berlaku pergolakan dan pertumpahan darah ketika itu.

Bagaimanapun beliau yakin bahawa rakyat Cina boleh menanganinya lebih baik daripada rakyat Rusia dan Yugoslavia.

Perdana Menteri berkata rakyat Asia Timur dan Asia Tenggara boleh menerima jangkaan senario itu di China lebih baik daripada apa yang diramalkan oleh pemerhati Eropah dan Amerika.

Katanya dengan pemodenan dan pembangunan ekonomi China, pusingan penuh kemajuan akan wujud dan Asia boleh sekurang-kurangnya mendapatkan tempatnya semula dalam tamadun dunia.

"Rakyat Eropah mungkin tidak menyukai perkara ini tetapi tiada sebab bagi penduduk Asia untuk membantu mereka secara aktif bagi menghalang China dan melengahkan tempat yang menjadi hak Asia," katanya. -- Lagi

▼11/05/19-47MST

CNS8992

U GB 11-05 00180 BA007

aab

Mahathir - China 6 Beijing

Terdahulu, Perdana Menteri mengingatkan Barat supaya tidak memaksakan sistem dan nilai mereka di China.

Katanya sebanyak manapun kecemerlangan intelektual dan keikhlasan, tidak akan dapat mengatasi undang-undang kuku besi dan bagi memastikan kejayaan dasar serta tindakan ia harus sesuai dengan keadaan tertentu dalam mana ia harus berfungsi.

Dan pastinya menjadi tugas pemimpin China serta kaum intelektual untuk memilih daripada kaedah negara-negara lain yang boleh disesuaikan dengan keadaan di China dan cara yang terbaik pihak lain boleh lakukan, katanya, ialah lebih bersikap terbuka kepada rakyat China mengenai pengalaman mereka sendiri, baik dan buruk, jika mereka mahu penduduk China berjaya.

Dr Mahathir berkata sementara istilah "sosialis" memberi maksud berbeza kepada setiap orang, beliau tidak meragui bahawa pasaran ekonomi sosialis China menolak kapitalisme -- sejenis pasaran ekonomi yang esktrim yang menganggap kerajaan sebagai tiada kaitan -- yang turut ditolak oleh tujuh lagi negara maju Asia Timur (dengan pengecualian kepada Hong Kong) yang digelar sebagai "keajaiban Asia Timur" -- Jepun, Republik Korea, Taiwan, Thailand, Malaysia, Singapura dan Indonesia. -- Lagi

▼11/05/19 48MST

CNS8995

U GB 11-05 00187 BA008

aab

Mahathir - China 7 Beijing

Sambil memberikan Malaysia sebagai contoh, Perdana Menteri memberitahu hadirin terdiri daripada 250 ahli perniagaan asing, kebanyakannya ketua pegawai eksekutif dan presiden serta 140 ketua pegawai eksekutif China, bahawa sebuah pasaran ekonomi bebas semata-mata tidak dapat menjamin kejayaan jika pelbagai keperluan termasuk kerajaan yang kukuh dan stabil tidak wujud.

"China memerlukan sebuah kerajaan yang kuat dan ia sedia wujud, ia mungkin berkuku besi tetapi ia lebih baik daripada anarki," katanya.

Dr Mahathir menambakkata: "Perniagaan memerlukan ketenteraman. ia memerlukan masa depan yang boleh dijangkakan bagi beberapa perniagaan yang segera mendapat keuntungan dan berjaya. Lebih besar sesuatu perniagaan itu lebih lama lagi pembinaannya dan lebih besar keperluannya bagi masa depan yang boleh diramalkan."

"Sebuah kerajaan yang kukuh boleh memastikan satu masa depan yang dapat diramalkan. Sebuah kerajaan yang lemah yang bergantung kepada sokongan orang ramai yang berubah ubah dan digoncang oleh permintaan ekstrimis kanan dan kiri, tidak boleh stabil apatah lagi untuk memastikan ramalan." katanya.

Katanya memandangkan kerajaan yang baik tidak boleh diwujudkan secara percuma, satu pengorbanan perlu dibuat untuk menubuhkan kerajaan sedemikian.

-- Lagi

▼11/05/19-51MST

CNS8999

U GB 11-05 00185 BA009

aab

Mahathir - China 8 Beijing

Berdasarkan ini, bagi 1,200 juta rakyat China, kebebasan individu untuk menentang kepentingan majoriti adalah sesuatu yang mewah yang tidak termampu oleh mereka.

Katanya walaupun demokrasi satu idea agung yang pernah dilahirkan oleh manusia, seperti idea lain, ia tidak dilahirkan sempurna.

"Siapa hari ini boleh menganggap 10 peratus daripada penduduk mempunyai hak mutlak untuk memerintah sebuah negara yang demokratik,? tanya beliau.

Tetapi itulah demokrasi di negara Greek yang pada asalnya melahirkan sistem demokratik, katanya.

Dr Mahathir berkata sehingga hari ini, demokrasi berlaku dalam pelbagai bentuk. Malah di kalangan negara demokratik yang liberal di Barat, tafsiran dan amalan berbeza.

"Sesetengah negara menganggap membawa senjata sebagai hak asasi, yang lain pula menyifatkan berbohong sebagai hak mutlak dan sejumlah lagi menetapkan pelbagai tahap batasan bagi perlakuan individu di khalayak umum sementara segolongan lagi masih teragak-agak untuk mengiktiraf secara sah perkahwinan dan keluarga homoseksual," katanya.

"Apa yang mereka persetujui ialah apapun yang mereka lakukan atau tidak lakukan adalah demokratik dan mereka yang tidak dalam golongan mereka sebagai tidak demokratik," katanya. -- Lagi

▼11/05/19 54MST

CNS9004

U GB 11-05 00122 BA010

aab

Mahathir - China 9 (Akhir) Beijing

Perdana Menteri berkata yang paling teruk ialah anggapan bahawa negara-negara demokratik di Barat boleh memaksa prinsip mereka melalui cara yang tidak demokratik.

Mereka membantah ideologi orang lain yang disebarakan melalui cara subversif atau paksaan tetapi mereka tidak teragak-agak menggunakan cara yang sama dalam menyebarkan ideologi mereka.

Beliau menyenaraikan sekatan, paksaan dalam pelbagai cara dan kempen berterusan melalui media mereka yang dikawal sebagai senjata yang digunakan oleh Barat untuk memaksakan nilai mereka di negara-negara membangun.

Dr Mahathir berkata negara-negara di Asia Timur sememangnya percaya kepada demokrasi dan mengamalkannya. Tetapi mereka juga percaya terhadap kerajaan yang stabil dan yang tidak mudah ditekan. -- Bernama

ARES SIA RON

▼11/05/19 58MST